

Keberhasilan bekerja dari rumah (BDR): Kajian awalan sorotan literatur

ABSTRAK

Krisis pandemik COVID-19 telah mengubah budaya kerja dan cara pengendalian aktiviti harian di kebanyakan sektor dan organisasi di dunia. Kini, budaya bekerja dari rumah (Work From Home atau BDR) adalah merupakan pendekatan terbaik untuk mencegah penyebaran COVID-19 di kebanyakan negara di dunia. Pilihan BDR ini banyak bersangkut paut dengan produktiviti para pekerja di pelbagai industri. Kajian ini bermatlamat untuk melihat impak bekerja dari rumah terhadap produktiviti para pekerja secara kajian literatur. Dapatan daripada kajian ini mendapati bahawa bekerja dari rumah telah memberikan impak positif mahupun negatif bagi para pekerja dan organisasi. Terdapat juga dapatan impak penurunan produktiviti para pekerja yang bekerja dari rumah. Selain itu, dalam kajian ini juga mendapati bahawa secara umum terdapatnya perbezaan pendapat mengenai BDR yang mana impak di pelbagai bidang itu adalah berbeza bergantung kepada jenis pekerjaan dan sektor pekerjaan.